



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

## TEKS UCAPAN

**YB TUAN HAJI KHALID BIN ABD. SAMAD  
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**SEMPENA**

**SESI *TOWN HALL* YB MENTERI WP  
BERSAMA WARGA KEMENTERIAN  
WILAYAH PERSEKUTUAN DAN AGENSI**

**DEWAN SERBAGUNA  
MENARA SERI WILAYAH,  
ARAS 1, BLOK 1,  
KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

**28 JANUARI 2019 (ISNIN)  
JAM 8.30 PAGI**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh  
dan Salam sejahtera

(Salutasi)

## PENDAHULUAN

1. Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan kurnia-Nya jua, kita dapat bersama-sama hadir pada hari ini sempena Sesi *Town Hall* saya yang pertama bersama warga Kementerian Wilayah Persekutuan dan Agensi (DBKL, PPj, PLANMalaysia, Perbadanan Labuan, Jabatan Lanskap Negara, Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu, Majlis Sukan Wilayah Persekutuan, Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan) bagi tahun 2019 ini. Bahkan sesi sebegini juga julung kali diadakan sejak saya

menerajui Kementerian Wilayah Persekutuan sebagai Menteri.

2. Saya mengucapkan terima kasih kepada semua yang dapat melapangkan masa untuk hadir pada pagi ini. Saya dapat merasakan semangat positif daripada semua yang ada di dewan ini. Oleh itu saya berharap agar kita semua akan terus berganding bahu untuk terus bekerja memberikan khidmat yang terbaik. Tahniah, semoga semangat (*spirit*) ini dapat terus dikekalkan sepanjang tahun 2019, malah terus dikekalkan melangkaui tahun ini.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

3. Sebagaimana yang sering ditekankan oleh YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia, kita semua, iaitu jentera pentadbiran dan perkhidmatan awam Negara, menggalas tanggungjawab yang besar untuk melaksanakan

peranan dan amanah yang diberi dengan sebaik mungkin. Sesuai dengan permulaan tahun baharu, penghayatan budaya dan disiplin kerja yang tinggi seharusnya menjadi matlamat dan tunjang kita semua, demi kita bersama-sama melakar kejayaan dalam melunaskan tanggungjawab kita kepada rakyat dan Negara sebaik mungkin. Saya yakin, sekiranya ini menjadi mantra atau pegangan kita, Insya-Allah kejayaan demi kejayaan akan dapat kita lakar bersama.

## IMBASAN KEJAYAAN-KEJAYAAN KWP SEPANJANG 2018

Tuan-tuan dan puan-puan,

4. Bercakap tentang kejayaan Kementerian ini banyak pencapaian dan anugerah yang telah kita terima sepanjang tahun 2018 termasuklah:

- (i) Anugerah Kecemerlangan 5 Bintang Petunjuk Prestasi Utama (KPI) HRMiS Tahun 2017 daripada JPA (Jabatan Perkhidmatan Awam);
- (ii) Anugerah Khas Cemerlang (5 Bintang) Keselamatan Perlindungan Tahun 2017 daripada CGSO (Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia);
- (iii) Pengiktirafan Penarafan 5 Bintang Agensi Sektor Awam Tahun 2017-2018 daripada MAMPU (Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia);
- (iv) 96% Pengurusan Aduan KWP dan Agensi Bagi Tahun 2018; dan
- (v) Sijil Pengiktirafan Pematuhan Takwim Pelaksanaan Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Kementerian Wilayah Persekutuan Tahun 2017 daripada JPA (Jabatan Perkhidmatan Awam).

5. Ucapan tahniah dan syabas saya ucapkan kepada seluruh warga Kementerian dan Agensi.

Kejayaan ini diharap dapat dijadikan pemangkin semangat kepada semua warga KWP untuk terus memberi komitmen yang padu serta daya usaha yang konsisten demi kecemerlangan Kementerian pada tahun 2019 ini. Insya-Allah.

## PENCAPAIAN KPI YB MENTERI 2018

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

6. Pada 2018 banyak perkara tergendala atas sebab Pilihanraya Umum (PRU 14) dan perubahan kerajaan. Prestasi dan penilaian prestasi mungkin tidak dapat dicapai sepenuhnya. Namun demikian kita telah mencapai beberapa kejayaan pada tahun 2018.

7. Bagi saya pula, antara lakaran kejayaan yang manis adalah apabila berjaya merunding semula transaksi penjualan tanah di Kuala Lumpur dengan

pemaju dan pembeli tanah, yang dilaksanakan oleh Kerajaan dahulu. Rundingan semula 23 dari 97 transaksi berkenaan telah dapat menambah RM149 juta untuk pihak DBKL.

8. Selain itu, Penubuhan Majlis Menteri Wilayah Persekutuan memberikan makna demokrasi kepada penduduk Kuala Lumpur apabila ahli parlimen dapat duduk bersama-sama merangka pelan pembangunan Kuala Lumpur. Sehingga hari ini telah 4 kali Majlis ini bersidang.

9. Membuat pendaftaran ke atas semua Pusat Tahfiz di Kuala Lumpur supaya berdaftar dengan DBKL dan juga JAWI supaya kita boleh mengetahui kedudukan mereka dan memberikan bantuan yang sewajarnya. Dimaklumkan terdapat 50 buah sekolah tahfiz di KL dan 33 buah mempunyai asrama. Maklumat ini penting supaya kerajaan boleh melihat dari aspek keselesaan dan

keselamatan bangunan yang diduduki. Pendaftaran ini bukan berniat untuk menutup atau mengambil tindakan negatif kepada sekolah-sekolah tahfiz ini.

10. Pelan Bandaraya Kuala Lumpur 2020 juga telah berjaya diwartakan oleh Jabatan Peguam Negara pada 30 Oktober 2018. Ia adalah satu catatan sejarah buat DBKL kerana tidak pernah diwartakan sebelum ini. Pewartaan Pelan Bandaraya Kuala Lumpur 2020 ini dibuat bagi menggalakkan perancangan dan pembangunan yang mapan di WP Kuala Lumpur. Diharapkan dengan pewartaan ini tidak akan berlaku lagi pelanggaran dalam pembinaan projek perumahan di kawasan yang tidak sepatutnya terutamanya apabila sedang merangka PTKL2040.

11. Kementerian melalui Yayasan Wilayah Persekutuan juga bekerjasama menerbitkan



akhbar mingguan WilayahKu. Konsep akhbar *The Sun* digunakan dalam pelaksanaannya di mana ia diedarkan secara percuma kepada orang ramai dan menjadikan iklan sebagai sumber pendapatan. Jika sebelum ini kita banyak peruntukan pembelian iklan bagi aktiviti promosi, kini akhbar ini boleh digunakan untuk tujuan promosi dan publisiti.

12. Bagi pembangunan sosio ekonomi rakyat di Wilayah Persekutuan, satu Program Kebajikan Wilayah Persekutuan yang komprehensif telah berjaya dirangka bagi manfaat semua warga Wilayah Persekutuan. Program kebajikan ini merangkumi semua golongan sasaran seperti bayi, remaja, pelajar sekolah, pelajar IPT, belia, warga emas, OKU dan ibu tunggal. Terdapat 15 program yang akan dilaksanakan di bawah payung Program Kebajikan ini seperti:

- (i) Tabung Bencana Labuan;
- (ii) Infra Wilayah Labuan;

- (iii) Program Jati Diri Remaja;
- (iv) Program Menyantuni Gelandangan;
- (v) Program Kesejahteraan Wilayah;
- (vi) Program Ekonomi Belia;
- (vii) Bas GoKL;
- (viii) Van Wilayah;
- (ix) *Mobile Clinic*;
- (x) Bantuan Peralatan Kesihatan;
- (xi) Program Pembangunan Bakat & Perniagaan OKU;
- (xii) Bantuan IPTA;
- (xiii) Bantuan Asas;
- (xiv) Bantuan *WiCare*; dan
- (xv) Sewa Beli Rumah.

13. Kita telah selesai membuat pelantikan ahli-ahli Majlis Perwakilan Penduduk (MPPWP) pada 24 Januari yang lalu. Pelaksanaan persempadanan semula sub-Zon yang baru untuk MPPWP akan membantu ahli-ahli Parlimen merangka program-

program yang bersesuaian untuk kebajikan masyarakat di kawasan mereka. Persempadanan semula 77 sub-Zon penting supaya memberi kesama rataan melibatkan jumlah populasi penduduk di setiap kawasan parlimen Wilayah Persekutuan.

14. Projek *River of Life* mendapat pengiktirafan sebagai salah satu dari *World's Top 10 Waterfront Districts* daripada portal media *Independent* dari United Kingdom.

15. Perusahaan ikan bilis secara bagang di Wilayah Persekutuan Labuan yang merupakan sumber pendapatan terkini komuniti Labuan telah mendapat kelulusan lesen dari Jabatan Perikanan untuk perusahaan ini dikomersialkan.

16. *Festival Light And Motion* Putrajaya (LAMPU) dan Sambutan Tahun Baru 2019 di Wilayah

Persekutuan Putrajaya mendapat penyertaan yang sangat tinggi dari komuniti Putrajaya dan orang ramai.

## *WAY FORWARD* KWP DAN AGENSI BAGI TAHUN 2019

Tuan-tuan dan puan-puan,

17. Tahun 2019 ini, Kementerian Wilayah Persekutuan akan memberi penumpuan kepada 6 teras utama sebagai sasaran untuk memacu Wilayah Persekutuan ke arah yang lebih cemerlang. 6 teras tersebut adalah memberi fokus kepada bandaraya bersih, meningkatkan tahap keselamatan awam, meningkatkan tahap kecekapan atau *efficiency* sistem pengangkutan awam, menyasarkan pembangunan sosio-ekonomi yang mampan, melestarikan persekitaran hijau di Wilayah Persekutuan, serta melaksanakan

pembangunan komuniti yang inklusif dan berdaya saing.

18. Keenam-enam teras ini akan menjadi panduan kepada perancangan dan pengurusan Kementerian Wilayah Persekutuan serta agensi dalam merencanakan setiap program / perkhidmatan / produk yang dilaksanakan untuk rakyat seiring tema “Wilayah Peduli, Harapan Dipenuhi” (*Caring Wilayah, Realizing Aspiration*) yang telah saya umumkan semasa program Bicara Minda anjuran Sinar Harian pada 11 Januari yang lalu. Pemilihan tema ini menggambarkan usaha seluruh warga Wilayah Persekutuan dalam membentuk suasana peduli, sihat dan selamat.

19. Dalam memastikan pelaksanaan yang mantap, Kementerian dan Agensi akan memastikan keenam-enam teras ini berjaya dilaksanakan. Kementerian telah menyediakan project *timeline*

yang komprehensif yang akan bermula pada bulan Februari ini.

20. Bagi teras pertama iaitu Wilayah Bersih, Kementerian akan memberi penumpuan kepada ketiga-tiga Wilayah Persekutuan dalam memastikan tahap kebersihan lebih baik. Kementerian juga akan memberi penumpuan kepada pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam yang perlu diberi nafas baharu dan model pengurusan yang lebih baik, berkesan dan kos efektif untuk ketiga-tiga Wilayah Persekutuan.

21. Bagi teras kedua iaitu Keselamatan Awam, usaha Kementerian akan memberi penekanan kepada faktor pencahayaan di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan seperti di jalan-jalan raya yang tidak berlampu, memastikan limpahan cahaya berwarna-warni sebagai tarikan baharu yang memastikan suasana vibrant bagi lokasi-lokasi yang menjadi

tumpuan. Kementerian juga akan meneruskan penguatkuasaan bagi pematuhan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Malah Kementerian juga bercadang untuk melaksanakan penggunaan CCTV di lokasi-lokasi hotspot jenayah.

22. Penekanan di bawah teras ketiga iaitu Pengangkutan Awam Efisien pula adalah untuk memastikan sambungan yang lebih baik antara stesen-stesen dan mod-mod pengangkutan awam (*better connectivity inter-stations*). Kementerian akan meneruskan program bas percuma di KL dan memperluaskan lagi laluan ke kawasan-kawasan perumahan yang jauh dari pengangkutan awam, serta di Putrajaya dan Labuan. Selain itu, Kementerian akan melaksanakan pengurusan parkir yang lebih efisien bagi mengatasi masalah kesesakan lalu lintas terutamanya pada waktu puncak. Masalah ini turut dihadapi di ketiga-tiga

Wilayah Persekutuan. Selain itu, Kementerian juga akan bekerjasama dengan Kementerian Pengangkutan dan Kementerian Kewangan dalam perancangan untuk meneruskan projek Monorel Putrajaya yang telah lama ditangguhkan. Usaha-usaha penambahbaikan dan penggalakan penggunaan mod sistem pengangkutan awam ini sekaligus dapat menjayakan usaha kempen car free yang dibuat oleh agensi seperti DBKL dan Perbadanan Putrajaya.

23. Seterusnya, di bawah teras sosio-ekonomi mampan iaitu teras keempat, Kementerian dengan kerjasama semua agensi di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan akan melaksanakan program bas medik, program-program pendidikan kepada golongan miskin, memperkenalkan program baharu iaitu Ikon Remaja dan meneruskan program perumahan mampu milik di Wilayah Persekutuan



(RUMAWIP) yang akan dikenali sebagai Residensi Wilayah selepas ini.

24. Di bawah teras kelima, usaha untuk melestarikan persekitaran hijau di Wilayah Persekutuan amat penting bagi mengurangkan kadar pencemaran di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan, di samping mempromosikan ketiga-tiga wilayah ini sebagai wilayah hijau. Kementerian akan memberi fokus kepada Taman Awam Berskala Besar di Bukit Kiara, meneruskan serta menambahbaik projek *River Of Life*, melaksanakan kempen bandaraya bebas karbon, memperkenalkan penggunaan biodiesel kepada bas-bas GoKL, melaksanakan penguatkuasaan penggunaan produk biodegradasi serta merealisasikan inisiatif kerjasama awam-swasta bagi tujuan pemuliharaan taman-taman hijau awam.

25. Di bawah teras keenam iaitu komuniti inklusif pula, kita akan memperkukuhkan peranan Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) di Wilayah Persekutuan, supaya lebih berperanan dalam masyarakat. Ini kerana mereka perlu mewakili Kerajaan sebagai mata dan telinga dalam mengetengahkan permasalahan rakyat. Selain itu, platform Majlis Menteri akan dijadikan sebagai forum perbincangan bagi melaksanakan perancangan dan pembangunan Wilayah Persekutuan.

AGENSI BARU DI BAWAH KWP  
(PLANMALAYSIA, LANDSKAP DAN PTGWP)

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

26. Bagi menjayakan 6 teras yang telah disusun ini, kesemua sumber tenaga yang kita ada perlu kita kerahkan secara bersama. Mujurlah baru-baru ini

kita telah menerima *reinforcements*, pertambahan 3 agensi baharu di bawah Kementerian ini yang pastinya akan meningkatkan dan menguatkan lagi usaha kita ke arah menjayakan inisiatif yang bakal dilaksanakan ini.

27. Kemasukan Jabatan Landskap Negara ke bawah KWP dapat meningkatkan kualiti pengindahan bandar-bandar besar di dalam negara sebagai destinasi tarikan pelancongan dunia. Labuan juga perlu diberi perhatian dalam aspek pembangunan pelancongan untuk dijadikan sumber pendapatan kepada komuniti. Putrajaya pula dapat dijadikan 'Bandar Dalam Taman' dan menganjurkan Floria Diraja Putrajaya setiap tahun. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa atau PLANMalaysia pula dapat mengukuh serta memastikan perancangan pembangunan bandar, wilayah dan desa di seluruh Malaysia lebih komprehensif. Begitu juga dengan Pejabat Tanah

Dan Galian Wilayah Persekutuan dapat memudahkan urusan berkaitan pentadbiran dan pelaksanaan pengurusan tanah seperti pendaftaran tanah, permohonan hakmilik strata, pemantauan dan penguatkuasaan undang-undang tanah. Urusan Akta Hakmilik Strata dan Dasar Kerajaan yang melibatkan tiga Wilayah Persekutuan iaitu Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan akan lebih mudah.

28. Dengan mengambilkira fungsi baharu yang telah diletakkan di bawah KWP dengan kemasukan ketiga-tiga agensi tersebut, saya pernah menyatakan dulu bahawa Kementerian ini perlu melaksanakan urusan penjenamaan semula. Seterusnya awal bulan ini kita telah membuka saluran sumbangan idea dan pandangan mengenai cadangan nama baharu Kementerian yang bersesuaian dengan fungsi dan peranannya. Saya difahamkan kita telah menerima banyak cadangan

nama baharu, dan senarai ini sedang kita teliti dan bincangkan sebelum nama baharu Kementerian dimuktamadkan di peringkat Kerajaan. Terima kasih saya ucapkan atas segala sumbangan idea dan cadangan.

## PROGRAM SAMBUTAN HARI WILAYAH PERSEKUTUAN 2019

Tuan-tuan dan puan-puan,

29. Tahun ini kita akan menyambut Hari Wilayah Persekutuan buat kali yang ke-15. Tema Sambutan Hari Wilayah Persekutuan pada tahun ini adalah “Sayangi Wilayahku.” Pemilihan tema ini seiring dengan usaha integrasi nasional dan kesejahteraan yang akan menjadi penggerak utama agenda memperkasakan perpaduan dalam kalangan lapisan masyarakat majmuk, terutamanya di Wilayah Persekutuan.

30. Kementerian dan Agensi akan menjayakan sebanyak 21 program sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2019 sepanjang bulan Februari ini. Oleh itu, diharapkan semua warga dapat sama-sama menyumbang usaha agar dapat kita menjayakan kesemua program yang dirancang ini. Jagalah kesihatan dan stamina anda semua kerana kita perlu *all-out!* Peringatan ini saya kongsi untuk semua warga Kementerian dan agensi, termasuk diri saya juga.

## AMANAT DAN HARAPAN

Tuan-tuan dan puan-puan, warga KWP dan Agensi yang saya hormati sekalian,

31. Sekali lagi saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyeru semua warga kerja Kementerian dan Agensi agar terus bekerja dengan penuh komited serta berintegriti, berdisiplin, sentiasa

mengamalkan semangat kerjasama dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab, berusaha mengekalkan keharmonian sepanjang masa, setia kepada Kementerian dan bersedia memberikan perkhidmatan yang terbaik.

32. Saya mempunyai keyakinan yang tinggi bahawa Kementerian ini akan mampu menjadi sebuah Kementerian cemerlang sekiranya setiap warganya memberikan sokongan dan khidmat cemerlang yang tidak berbelah bahagi kepada organisasi ini. Semoga pada tahun 2019 kita tingkatkan perkhidmatan lebih baik. Insya-Allah dengan sokongan saudara saudari, KWP akan terus unggul dalam menyampaikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat, terutamanya warga Wilayah Persekutuan.

## PENUTUP

33. Akhir kata, saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua yang menjayakan Sesi *Town Hall* pada pagi ini. Terima kasih juga diucapkan kepada semua yang hadir dan bersama-sama kita semua merealisasikan sasaran ini bagi membuktikan Kementerian Wilayah Persekutuan dan Agensi dapat mencapai kejayaan yang lebih cemerlang.

34. Wabillahi                      Taufik                      Walhidayah  
Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.  
Sekian, terima kasih.